

KEBERKESANAN DAN KELEMAHAN PENGGUNAAN <KAMUS MANDARIN ASAS MULTI- FUNGSI>DALAM PEMBELAJARAN BAHASA KETIGA- SATU KAJIAN KES DI UITM PULAU PINANG

HOE FOO TERNG
PROF. MADYA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PULAU PINANG

LIM SOO GIAP
PENSYARAH KANAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PULAU PINANG
limsoogiap266@ppinang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kebanyakan kamus Bahasa Melayu—Mandarin dalam pasaran, jumlah perbendaharaan katanya tidak dapat memenuhi keperluan dan permintaan mahasiswa Melayu di institusi pengajian tinggi. Tambahan pula, perkataan Bahasa Melayu banyak menggunakan imbuhan untuk memperkayakan perbendaharaan katanya, kamus-kamus yang ada di pasaran sekadar memberi penerangan maksud kata asal tetapi tidak memberi penerangan maksud selanjutnya setelah kata asal Bahasa Melayu ditambah dengan imbuhan. Kekurangan ini telah menyebabkan para pelajar menghadapi banyak kesusahan. Objektif penyelidikan ini adalah 1. mengkaji keberkesanan dan kelemahan penggunaan <Kamus Mandarin Asas Multi- Fungsi> dalam pembelajaran bahasa ketiga dikalangan pelajar Melayu. 2. menyediakan laporan supaya bakal penulis kamus boleh menggunakannya sebagai panduan dalam penerbitan kamus B. Melayu—Mandarin—Inggeris pada masa depan. Suatu penyelidikan deskriptif telah dijalankan di kalangan 500 orang pelajar Melayu di UiTM Pulau Pinang. Data penyelidikan dikumpul melalui borang soal selidik. Responden kajian ini adalah 128 orang pelajar. Perisian SPSS digunakan untuk menganalisis 29 soalan yang terdapat dalam borang soal selidik. Kajian ini menunjukkan kebolehpercayaan (reliability) penyelidikan ini adalah tinggi, indeks “Cronbach’s Alpha reliability” adalah 0.782. Dari kajian ini, responden berpendapat bahawa dari segi reka bentuk kamus, kulitnya mesti menarik, mengikut citarasa semasa dan saiz yang paling sesuai adalah berukuran 20cmx14cmx1.5cm. Di samping itu, bahagian Stroke Tulisan/Karakter Cina perlu ada. Kamus tidak boleh terlalu mahal dan senang dapat dalam pasaran. Responden turut mencadangkan bahawa kamus ini perlu ada lebih banyak gambarajah dan foto berwarna serta pada masa depan menghasilkan CD yang merekodkan sebutan kata entri

Kata kunci: penggunaan kamus Mandarin, pembelajaran bahasa Mandarin dikalangan pelajar Melayu, kekurangan kamus Bahasa Melayu Mandarin

Pengenalan

Kemunculan Negeri China sebagai kuasa ekonomi dunia pada tahun 90-an telah menyebabkan Bahasa Mandarin menjadi antara suatu bahasa yang penting dan popular di luar negara China. Dengan Bahasa Mandarin menjadi semakin penting, ramai pelajar-pelajar bumiputra di Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah mendaftarkan diri untuk mempelajari Bahasa Mandarin. Mereka mengambil kursus ini dengan harapan tinggi bahawa boleh dapat menikmati faedah perkembangan ekonomi Negeri China yang pesat ini. Cheun Heng Huat (2006) dalam kertas prosiding beliau yang bertajuk <Malaixiya Dui Wai Hanyu Cidian Yunyong De Tanta> menunjukkan bahawa pada tahun 1997, UiTM Shah Alam hanya terdapat 4 program yang menawarkan Bahasa Mandarin dan hanya seramai 788 orang pelajar yang mengambil

matapelajaran tersebut. Akan tetapi, dalam jangkamasa tidak sampai 10 tahun kemudian, bilangan pelajar yang mengambil bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga telah berlipat-ganda 10 kali. Pada tahun 2004, terdapat 20 fakulti yang menawarkan bahasa Mandarin dan melebihi 8000 orang pelajar bumiputera telah mendaftar mengambil kelas Bahasa Mandarin, bilangan ini masih tidak termasuk pelajar-pelajar di cawangan-cawangan UiTM di seluruh Malaysia. Pada masa kini, UiTM masih merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang mempunyai bilangan mahasiswa dan mahasiswi bumiputra yang paling ramai mempelajari bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga.

KAJIAN LITERATUR

Untuk memperkayakan perbendaharaan kata Bahasa Mandarin di kalangan mahasiswa UiTM, kamus Mandarin yang boleh memenuhi keperluan pelajar amat sangat diperlukan. Penyelidik-penyelidik pengajaran bahasa kedua seperti Knight (1994) dan Summers (1998) bersetuju bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, penggunaan kamus dapat mempertingkatkan kadar pengenalan perkataan baru di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa kedua harus memiliki sebuah kamus yang bersesuaian.

Menurut Hoe, Tan dan Ho(2005), sejarah perkembangan kamus Melayu-Cina di Malaysia terbahagi kepada 3 peringkat. Pada peringkat pertama, kamus Melayu ditulis dalam tulisan Cina dan sebutannya disebut dengan dialet Cina. Ia mula pakai oleh saudagar-saudagar Cina yang datang berniaga di Melaka dan ianya dihasilkan pada kurun ke 15. Kamus yang sedemikian juga digunakan oleh pendatang-pendatang Cina yang datang ke Tanah Melayu pada kurun ke 18 ó 20.

Pada peringkat kedua, kamus bahasa Melayu-Cina dihasilkan untuk kegunaan bangsa Cina yang telah menjadi rakyat Malaysia iaitu selepas Malaysia mencapai merdaka pada tahun 1957. Untuk meningkatkan kebolehan berkomunikasi dengan orang Melayu serta galakan dari kerajaan, maka kamus yang menggunakan kata cari dalam bahasa Melayu dengan penerangan dalam bahasa Cina telah diterbitkan. Kamus bahasa Melayu-Inggeris-Cina juga amat popular pada zaman itu.

Kamus bahasa Melayu-Cina diterbitkan dengan banyak sekali pada 1980an. Pada masa itu, kerajaan ingin mengurangkan pengaruh bahasa Inggeris dalam sistem pentadbiran negara. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia juga cuba meningkatkan kedudukan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantara akademik. Oleh kerana kerajaan menekankan kepentingan penggunaan bahasa Melayu, maka masyarakat Cina telah mengikut keperluan zaman masa itu. Ini telah menyebabkan kamus bahasa Melayu-Cina dan kamus bahasa Melayu-Cina-Inggeris diterbitkan dengan bilangan yang banyak sekali.

Pada peringkat ketiga iaitu pada akhir kurun ke 20, China telah muncul sebagai kuasa ekonomi yang kuat di dunia. Pertumbuhan ekonomi yang pesat di China telah menarik perhatian negara-negara lain untuk berniaga dengannya. Ini telah menyebabkan bahasa Cina telah menjadi bahasa asing yang popular di seluruh dunia.

Kamus Mandarin yang terdapat di pasaran sekarang kebanyakannya menggunakan perkataan Cina sebagai kata cari dan penerangannya ada yang menggunakan bahasa Cina dan ada pula yang menggunakan bahasa ibunda pelajar. Bagi pelajar UiTM yang belajar Mandarin dengan Hanyu Pinyin, kamus sebegini adalah kurang sesuai.

Kamus bahasa Inggeris-Cina-Hanyu Pinyin yang mula-mula diterbitkan ialah Kamus Bahasa Inggeris-Mandarin-Hanyu Pinyin Oxford 《Kamus Cambridge English-Mandarin, Mandarin-English 牛津英华、华英词典》. Anantara Kamus-kamus Bahasa Melayu-Cina- Hanyu Pinyin, yang disusun oleh Li Kuanrong ialah 《Jianming Mahua Cidian 简明马华词典》, yang diterjemahkan oleh Chia Oi Ping ialah 《Wo de Qimeng Cidian 我的启蒙词典》. Menurut kajian Cheun Heng Huat (2006), terdapat 34% pelajar di UiTM Shah Alam suka menggunakan kamus Bahasa Melayu - Mandarin untuk belajar Bahasa Mandarin, malah 26% suka menggunakan kamus Bahasa Mandarin- Bahasa Melayu. Pelajar Melayu berpendapat bahawa penggunaan bahasa ibunda mempelajari bahasa asing adalah lebih senang. Penerbitan kamus bahasa Melayu ó Cina ó Hanyu Pinyi merupakan sesuatu yang memperangsangkan pelajar Melayu untuk mempelajari Bahasa Mandarin, dan pembelajaran Bahasa Mandarin akan menjadi lebih menyeronokkan.

LATARBELAKANG PENYELIDIKAN

Populasi pelajar-pelajar Melayu yang mengambil bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di seluruh sistem UiTM telah mencecah 13 ribu pada tahun 2008. Pelajar-pelajar bumiputra yang mempelajari Bahasa Mandarin di UiTM mempunyai 3 ciri-ciri berikut:

1. Mereka tidak pernah mempelajari Bahasa Mandarin sebelum ini.
2. Semasa mereka belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah, bahasa pengantar mereka ialah Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris ialah bahasa kedua.
3. Mereka semuanya berumur 18 dan ke atas.

Pelajar bumiputera yang mengambil Bahasa Mandarin di UiTM kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu. Objektif pembelajaran adalah untuk berkomunikasi dengan kaum Cina tempatan ataupun orang China yang boleh bertutur Bahasa Mandarin (ini termasuk orang Taiwan, orang Hong Kong, orang Macau dan lain-lain). Bahan pengajaran, buku teks, buku latihan dan alat bantuan pengajaran semuanya menggunakan Hanyu Pinyin, dan ia tidak mementingkan pembelajaran dan penulisan tulisan karakter Cina. Oleh yang demikian, kamus Bahasa Mandarin yang diterbitkan oleh Negeri China ataupun kamus Mandarin di pasaran tempatan tidak berapa sesuai untuk pelajar-pelajar ini.

Demi keperluan pelajar-pelajar yang hanya mempelajari Hanyu Pinyin, kamus Inggeris-Mandarin-Hanyu Pinyin dan kamus Bahasa Melayu-Mandarin-Hanyu Pinyin perlu diterbitkan.

Demi memahami keperluan dan permintaan pelajar Melayu terhadap kamus Bahasa Mandarin di institusi pengajian tinggi awam, satu kajian mengenai isi kandungan kamus Mandarin telah dijalankan. Dengan mengedarkan kertas soalan penyelidikan untuk mengumpul data-data, suatu laporan kajian dihasilkan. Berharap bakal penulis kamus Bahasa Mandarin boleh menggunakannya sebagai panduan untuk menghasilkan kamus Mandarin yang boleh mememuhi inspirasi pelajar Melayu pada zaman kini.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Sampel penyelidikan terdiri 500 orang pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin di UiTM kampus Pulau Pinang pada tahun 2007. Responden kajian ini adalah 128 orang pelajar. 38 orang pelajar Kursus Bahasa Mandarin Program Ijazah Kejuruteraan Awam (18 pelajar lelaki, 20 pelajar perempuan), 35 orang pelajar Kursus Bahasa Mandarin Program Ijazah Kejuruteraan Mekanikal (30 pelajar lelaki, 5 pelajar perempuan), 11 orang pelajar Kursus Bahasa Mandarin Program Ijazah Luar Kampus Pengurusan Perniagaan (4 pelajar lelaki, 7 pelajar perempuan), 33 orang pelajar Kursus Bahasa Mandarin Program Diploma Pengurusan Hotel dan Pelancongan (4 pelajar lelaki, 29 pelajar perempuan) dan 11 orang pelajar Kursus Bahasa Mandarin Kelas Kemahiran Bahasa (7 pelajar lelaki, 4 pelajar perempuan). Responden kajian disenaraikan di Jadual 1.

Bilangan pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini adalah dibahagikan agak sama rata, lelaki 63 orang (49.2%) dan perempuan 65 orang (50.8%) (Jadual 2). Umur pelajar-pelajar ini yang paling muda ialah 18 tahun dan yang paling tua ialah 45 tahun, purata umur ialah 22.4 tahun (Jadual 3). Mereka yang menyerta kajian ini sekurang-kurangnya pernah menghadiri satu semester kursus Bahasa Mandarin dan mereka semuanya mempunyai kamus Mandarin <Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi>.

Pelajar-pelajar ini diminta mengisi borang soal selidik yang terdiri daripada 7 bahagian dan mempunyai 31 soalan soal selidik. 24 soalan menggunakan (Likert Scale) untuk mengumpul pendapat-pendapat pelajar. Likert Scale terdiri daripada 5 skala: 1) Sangat tidak setuju, 2) Tidak Setuju, 3) Tidak Ada Komen, 4) Setuju, 5) Sangat Setuju. Di dalam borang soal selidik juga terdapat 5 soalan pilihan dan 2 soalan minta pandangan dan cadangan pelajar. Pelajar boleh pilih menjawab atau tidak menjawab soalan-soalan pandangan dan cadangan. Setelah borang soal selidik dikumpulkan, perisian SPSS digunakan untuk menganalisis semua data. 29 soalan yang terdapat dalam borang soal selidik kajian ini menunjukkan reliabiliti yang tinggi kerana indeks Cronbach's Alpha reliability adalah 0.782. Ini bermakna kebolehpercayaan (reliability) penyelidikan ini adalah tinggi.

PENGANALISAAN DATA

Di bawah kategori **Fizikal** terdapat 6 soalan. 57.8% pelajar berpendapat bahawa kulit kamus perlu menarik (Jadual 4) dan 72.7% pelajar pula berasa bahagian pengenalan kepada pengguna adalah berguna dan sungguh membantu. (Jadual 5). Sebanyak 88.3% pelajar berpendapat font saiz bahasa Melayu (Arial, 11) untuk kamus adalah sesuai (Jadual 6), sebanyak 78.9% pelajar berpendapat font saiz tulisan Cina (Songti, 12) adalah sesuai (Jadual 7). Sebanyak 64.1% berpendapat bahawa nombor mukasurat patut diletak di bawah mukasurat. Di antara 64.1% pelajar ini, 30.5% inginkan nombor mukasurat diletak di tengah di bawah mukasurat dan 33.6% inginkan nombor mukasurat diletak di kiri/kanan di bawah mukasurat (Jadual 8). (Nombor mukasurat *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi* terletak di tengah di atas mukasurat). Sebanyak 69.5% pelajar berpendapat saiz kamus yang berukuran 20cmx14cmx1.5cm adalah sesuai (Jadual 9).

Di bawah kategori **Stroke Tulisan/Karakter Cina** terdapat 2 soalan. 37.5% pelajar berpendapat ia sangat perlu dan 32.8% pelajar berpendapat ia diperlukan dan 20.3% pelajar tidak ada komen. Jadi, lebih daripada 70.3% pelajar berpendapat belajar Mandarin wajib mempelajari tulisan/karakter Cina (Jadual 10). Di samping itu, sebanyak 59.4% pelajar berasa nombor bilangan stroke tulisan Cina harus dicatatkan untuk setiap perkataan tulisan/karakter Cina itu, 26.6% pelajar pula tiada komen (Jadual 11).

Di bawah kategori **Pembelajaran** terdapat 3 soalan. 82.2% pelajar berpendapat penggunaan kamus ini dapat membantu mempelajari perbendaharaan kata Mandarin (Jadual 12). 88.3% pelajar berasa kamus ini boleh membantu mempelajari pembinaan ayat Mandarin (Jadual 13). Separuh dari pelajar yang menjawab borang soalselidik berpendapat *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi* dapat membantu mempelajari tulisan/karakter Cina, manakala 35.9% pelajar tiada komen (Jadual 14).

Di kategori **Umum** terdapat 7 soalan. 59.4% pelajar berasa *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi* yang berharga RM15 adalah berpatutan, 27.3% pelajar tiada komen, 13.3% pelajar pula tidak puas hati dengan harga kamus itu (Jadual 15). 36% pelajar dapati kamus *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi* tidak dapat jumpa di kedai-kedai buku, 24.3% pelajar dapat mencari kamus tersebut di kedai-kedai buku dan 39.8% pelajar tiada komen (Jadual 16).

Tentang kekerapan pelajar menggunakan *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi*, 21.1% pelajar kata mereka menggunakan kamus tersebut 7-8 kali satu bulan, 37.5% pelajar pula menggunakannya 5-6 kali setiap bulan, 31.3% pelajar menggunakannya 3-4 kali setiap bulan, 8.6% pelajar menggunakan 1-2 kali setiap bulan, ada 2 orang pelajar walaupun membeli kamus tapi tidak pernah menggunakannya (Jadual 17). Manakala kekerapan membawa kamus ini ke kelas, 28.9% pelajar membawa kamus ini ke kelas 7-8 kali setiap bulan, 21.9% pelajar membawa 5-6 kali setiap bulan, 27.3% pelajar membawanya 3-4 kali setiap bulan, 14.8% pelajar pula membawanya 1-2 kali setiap bulan, ada 9 pelajar (7%) walaupun membeli kamus ini tetapi tidak pernah membawanya ke kelas (Jadual 18).

75.8% pelajar berpendapat bahawa mereka akan memperkenalkan *Kamus Mandarin Asas Multi-Fungsi* kepada kawan-kawan yang mempelajari Mandarin (Jadual 19). 35.9% pelajar bersetuju bahawa kamus ini sangat berguna dan 53.1% pelajar berpendapat kamus ini berguna dan boleh membantu mereka mempelajari Mandarin (Jadual 20). Sementara meminta cadangan menambahbaikkan kamus ini, 83.6% pelajar memilih tidak menjawab, 9.4% pelajar bercadang agar kamus ini memasukkan foto dan imbuhan kata entri, yang lain bercadang memperbanyakkan contoh ayat demi memberi penerangan kata entri yang lebih mendalam. Pelajar juga mencadangkan pada masa depan, di dalam kamus ini perlu ada lebih banyak gambarajah dan foto berwarna serta menghasilkan kamus CD kamus yang mempunyai sebutan betul kata entri dalam Mandarin (Jadual 21).

KESIMPULAN

“Jika kita ingin membantu pelajar, janganlah menerbitkan kumus yang menyimpan pelbagai maklumat dan bahan rujukan. Kita harus memahami apakah bahan rujukan yang diperlukan oleh pelajar dan kebolehan pelajar mencari serta mempergunakan bahan rujukan tersebut.” (Hartmann, 1989)

Kepada pelajar-pelajar yang menggunakan sistem Hanyu Pinyin untuk mempelajari Bahasa Mandarin, mereka akan berasa lebih senang dan selesa dengan menggunakan bahasa ibunda untuk mencari dan memahami perkataan Bahasa Mandarin yang baru dipelajari. Pelajar-pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin dengan tulisan Cina lebih cenderung kepada menggunakan kamus dwi-bahasa, sebab mereka bergantung kepada bahasa ibunda untuk memahami erti kata tulisan Cina tersebut. (Gu Anda, 2005)

Pandangan mahasiswa Melayu terhadap kamus bahasa Mandarin adalah seperti berikut :

Fizikal

Dari segi reka bentuk kamus pelajar berpendapat bahawa kulit kamus mesti menarik serta mengikut citarasa semasa. Bahagian pengenalan kamus adalah sangat penting dan sungguh berguna terutamanya dari segi membantu pengguna kamus memahami cara penggunaan kamus tersebut. Nombor mukasurat kamus patut diletak di bawah mukasurat, paling bagus ialah letak di kiri/kanan di bawah mukasurat. Pelajar berpendapat saiz kamus yang berukuran 20cmx14cmx1.5cm adalah paling sesuai. Ini mungkin disebabkan kamus yang terlalu berat, terlalu besar ataupun terlalu tebal sungguh susah memasuki beg sekolah ataupun membawa ke mana-mana.

‘Stroke’ Tulisan/Karakter Cina

Kamus Mandarin untuk pelajar bukan penutur asli perlu ada bahagian Stroke Tulisan/Karakter Cina. Walaupun sesetengah kursus Mandarin yang ditawarkan oleh universiti tidak mengajar tulisan/karakter Cina, tetapi kebanyakan pelajar berpendapat belajar Mandarin wajib mempelajari tulisan/karakter Cina. Tentang keperluan mencatatkan nombor bilangan stroke untuk sesuatu tulisan/karakter Cina, kebanyakan pelajar berasa ia ada perlu. Nampaknya pelajar-pelajar yang mengambil kursus Mandarin sungguh berminat dalam mempelajari tulisan/karakter Cina.

Umum

Harga kamus tidak boleh terlalu tinggi, sebab pelajar harus membeli buku-buku teks untuk kursus yang lain, kamus yang terlalu mahal akan membebaskan pelajar. Harga di antara lingkungan RM 15-20 merupakan harga yang boleh diterima oleh pembeli. Kamus harusnya senang dapat cari di mana-mana kedai buku, adakala pelajar terpaksa membeli kamus yang kurang sesuai sebab tidak dapat cari kamus yang diinginkan. Jika kamus dapat membantu pelajar dalam mempelajari bahasa tersebut, maka mereka akan selalu membawanya ke kelas. Pelajar juga mencadangkan bahawa contoh ayat untuk setiap kata entri perlu ditambahkan. Contoh ayat yang banyak, akan membantu pelajar memahami erti kata entri dengan lebih mendalam. Memasuki gambarajah dan foto berwarna di dalam kamus, menghasilkan CD yang merekodkan sebutan kata entri juga merupakan cadangan-cadangan yang disarankan oleh pelajar-pelajar.

BIBLIOGRAFI

- Gu Anda, Meng Su (2005): 《Jianyi Hande Xuesheng Zidian》 de Gainian Ji Gouchengö (Konsep dan Struktur < Kamus Pelajar Mandarin Jerman >), Edit Zheng Dingou 《Duiwai Hanyu Xuexi Cidianxue Guoji Yantaohui Lunwenji》 , Xianggang Chengshi Daxue , Vol. 1, pg 162 - 171 .
- Hoe, F.T. & Tan, T.G. (2007). Teaching & Learning Chinese as A Third Language at University Technology MARA. Teaching Chinese as a Second Language Journal, 3(2), pg 48-61.
- Hartmann, Reinhard Rudolf Karl. (1989). The dictionary as an Aid to Foreign Language Teaching. In : Hausmann.
- Knight, S. (1994). Dictionary use while reading: The effects on comprehension and vocabulary acquisition for students of different verbal abilities. The Modern Language Journal, 78, pg 285-299.
- Summers, D. (1998). The role of dictionaries in language learning. In R.Carter & M. McCarthy(Eds), Vocabulary and language teaching. London: Longman.
- Tan, T.G., Hoe, F.T. Ho, W.C. (2005). Kamus Mandarin Asas Multi- Fungsi. Selangor. Penerbitan Daya Sdn. Bhd.
- Tan, T.G., Hoe, F.T. & Ho, W.C. (2006). Kamus Melayu-Cina di Malaysia Sepintas-lalu dan Cabaran Serta Reka Bentuk Kamus Bahasa Mandarin untuk Pelajar Bukan Jati. Proceedings: International Workshop on Pedagogical Lexicography of CFL Beijing, 2, pg 278-287.
- Tao Meihua dan Rakan-rakan (2005) : 《Diliu Jie Dongnanya HuawenJiaoxue Yantaohui Lunwenji》 , <Jurnal Seminer Pengajian Pengajaran Mandarin Asia Tenggara Ke-6> , Sekolah Menengah Wenlai (Swasta).
- Zheng Dingou (2005) : 《Duiwai Hanyu Xuexi Cidianxue Guoji Yantaohui Lunwenji》 <Jurnal Seminar Antarabangsa Duiwai Hanyu Xuexi Cidianxue>, Xianggang Chengshi Daxue Vol.1, pg 1 - 2.

Cheun Heng Huat. (2006). Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Malaysia. Risalah Penyelidikan. Pusat Kajian Etnik di Malaysia, Kolej New Era Kajang

Cheun Heng Huat, Low Hiang Loon (2006) : 《Malaixiya Duiwai Cidian Yunyong de Tantaoyao <Penerokaan Penggunaan Kamus Bahasa Asing Di Malaysia > , Edit Zheng Dingyou 《Duiwai Hanyu Xuexi Cidianxue Guoji Yantaohui Lunwenji》 , China: Beijing ZhongguoShehuiKexue Chubanshe Vol. 2, 288 - 297.

Lampiran

Gender * Courses * Programmes Crosstabulation

Count			Courses					Total
Programmes	Gender		EC220 - Civil Engineering	EM220 - Mechanical Engineering	BM220 - Business Management	HM111 - Tourism	Public-Not Student	
Degree BMD401	Male		4	14				18
	Female		12	3				15
	Total		16	17				33
Degree BMD451	Male			18				16
	Female			2				2
	Total			18				18
Degree BMD501	Male		14					14
	Female		8					8
	Total		22					22
Diploma BMD110	Male					4		4
	Female					13		13
	Total					17		17
Diploma BMD152	Female					16		16
	Total					16		16
	Off Campus BMD401	Male			4			4
Off Campus BMD401	Female				7			7
	Total				11			11
	Language Proficiency Course MAN101	Male						7
Female							4	4
Total							11	11

[Jadual 1]

Gender

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Male	63	49.2	49.2	49.2
Female	65	50.8	50.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 2]

Age

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 18	1	.8	.8	.8
19	33	25.8	25.8	26.6
20	2	1.6	1.6	28.1
21	19	14.8	14.8	43.0
22	38	29.7	29.7	72.7
23	13	10.2	10.2	82.8
24	4	3.1	3.1	85.9
25	5	3.9	3.9	89.8
26	1	.8	.8	90.6
27	2	1.6	1.6	92.2
28	2	1.6	1.6	93.8
30	1	.8	.8	94.5
31	1	.8	.8	95.3
34	1	.8	.8	96.1
36	1	.8	.8	96.9
37	1	.8	.8	97.7
38	1	.8	.8	98.4
43	1	.8	.8	99.2
45	1	.8	.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 3]

The cover is attractive

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Strongly Disagree	2	1.6	1.6	1.6
Disagree	14	10.9	10.9	12.5
No Comment	38	29.7	29.7	42.2
Agree	52	40.6	40.6	82.8
Strongly Agree	22	17.2	17.2	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 4]

Introduction is helping

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Disagree	3	2.3	2.3	2.3
No Comment	32	25.0	25.0	27.3
Agree	55	43.0	43.0	70.3
Strongly Agree	38	29.7	29.7	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 5]

Malay fonts can be seen clearly

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Disagree	6	4.7	4.7	4.7
No Comment	9	7.0	7.0	11.7
Agree	58	45.3	45.3	57.0
Strongly Agree	55	43.0	43.0	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 6]

Mandarin fonts can be seen clearly

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Disagree	8	6.3	6.3	6.3
No Comment	19	14.8	14.8	21.1
Agree	53	41.4	41.4	62.5
Strongly Agree	48	37.5	37.5	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 7]

Page number should be placed at

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Upper Middle	36	28.1	28.1	28.1
Below Middle	39	30.5	30.5	58.6
Below Right/Left	43	33.6	33.6	92.2
No Comment	10	7.8	7.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 8]

Suitable size is

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 20cm x 14cm x 1.5cm	89	69.5	69.5	69.5
19cm x 26cm x 1cm	4	3.1	3.1	72.7
13cm x 9.5cm x 4cm	15	11.7	11.7	84.4
10cm x 15 cm x 4cm	16	12.5	12.5	96.9
No Comment	4	3.1	3.1	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 9]

Mandarin characters strokes

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Unnecessary	4	3.1	3.1	3.1
Slightly Unnecessary	8	6.3	6.3	9.4
No Comment	26	20.3	20.3	29.7
Not So Necessary	42	32.8	32.8	62.5
Necessary	48	37.5	37.5	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 10]

Number of Mandarin characters strokes stated

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Unnecessary	9	7.0	7.0	7.0
Slightly Unnecessary	9	7.0	7.0	14.1
No Comment	34	26.6	26.6	40.6
Not So Necessary	26	20.3	20.3	60.9
Necessary	50	39.1	39.1	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 11]

Will help in learning Mandarin Vocabularies

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Disagree	2	1.6	1.6	1.6
No Comment	20	15.6	15.6	17.2
Agree	55	43.0	43.0	60.2
Strongly Agree	51	39.8	39.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 13]

Will help in making Mandarin sentences

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Disagree	2	1.6	1.6	1.6
No Comment	13	10.2	10.2	11.7
Agree	57	44.5	44.5	56.3
Strongly Agree	56	43.8	43.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 14]

Will help in writing Chinese Characters

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Strongly Disagree	13	10.2	10.2	10.2
	Disagree	5	3.9	3.9	14.1
	No Comment	46	35.9	35.9	50.0
	Agree	37	28.9	28.9	78.9
	Strongly Agree	27	21.1	21.1	100.0
	Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 15]

The price at RM15 reasonable

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Strongly Disagree	10	7.8	7.8	7.8
	Disagree	7	5.5	5.5	13.3
	No Comment	35	27.3	27.3	40.6
	Agree	42	32.8	32.8	73.4
	Strongly Agree	34	26.6	26.6	100.0
	Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 16]

Easy to get a copy

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Strongly Disagree	24	18.8	18.8	18.8
	Disagree	22	17.2	17.2	35.9
	No Comment	51	39.8	39.8	75.8
	Agree	23	18.0	18.0	93.8
	Strongly Agree	8	6.3	6.3	100.0
	Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 17]

How frequent you use

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Do Not Use At All	2	1.6	1.6	1.6
	Seldom (1-2 times/month)	11	8.6	8.6	10.2
	Quite Frequent (3-4 times/month)	40	31.3	31.3	41.4
	Frequently (5-6 times/month)	48	37.5	37.5	78.9
	A Lot (7-8 times/month)	27	21.1	21.1	100.0
	Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 18]

How frequent you bring to class

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Do Not Bring At All	9	7.0	7.0	7.0
	Seldom (1-2 times/month)	19	14.8	14.8	21.9
	Quite Frequent (3-4 times/month)	35	27.3	27.3	49.2
	Frequently (5-6 times/month)	28	21.9	21.9	71.1
	A Lot (7-8 times/month)	37	28.9	28.9	100.0
	Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 19]

Will recommend to friends

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Strongly Disagree	3	2.3	2.3	2.3
Disagree	3	2.3	2.3	4.7
No Comment	25	19.5	19.5	24.2
Agree	55	43.0	43.0	67.2
Strongly Agree	42	32.8	32.8	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 20]

Is the dictionary useful

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Useless	2	1.6	1.6	1.6
OK	4	3.1	3.1	4.7
No Comment	8	6.3	6.3	10.9
Useful	68	53.1	53.1	64.1
Very Useful	46	35.9	35.9	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 21]

Suggestion

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	107	83.6	83.6	83.6
Affixes	12	9.4	9.4	93.0
CD for pronunciation	1	.8	.8	93.8
Colour Pictures	2	1.6	1.6	95.3
Multiple sentences	1	.8	.8	96.1
Pictures	5	3.9	3.9	100.0
Total	128	100.0	100.0	

[Jadual 22]